

**Shah Alam:** Pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) memenangi tiga pingat emas dan lapan perak pada Karnival e-Pembelajaran Universiti Peringkat Kebangsaan (NUCEL) 2014 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) di sini, baru-baru ini.

Pingat emas dimenangi oleh Dekan Penyelidikan, Prof Dr Kamal Zuhairi Zamli, melalui penyelidikan bertajuk 'T-Set: Tool Suite for Teaching of Software Testing', serta pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), Ahmad Irfan Ikmal Hisham (TITAS Go Green), dan Anita Abdul Rani (Nessalam: Spiritual Intelligence



Pensyarah UMP bersama dengan pingat kemenangan pada **Karnival NUCEL 2014**.

Apps for Muslim Nurses and Caretakers'.

Pingat perak pula diraih Dr Hafizoah Kassim (E-Application Of Creative Strategy Learning Approach), Dr Mansor Sulaiman (KIFAYA Calc

1.0), Dr Zailin Shah Yusoff (Utilizing Wikispaces in the Writing Classroom), Dr Zuraina Ali (OnVac: An Online Game for Learning Specialised Engineering and Technology Vocabulary).

**Promosikan aplikasi** Mohd Shafeirul Zaman Abd Majid (The Development Of Technical English Multimedia Interactive Courseware For Engineering Undergraduates), Dr Adzhar Kamaluddin (Inte-

gration of Flipped Classroom and Problem Based Learning Approaches for Class of Repeat Students), Dr Gan Leong Ming (CISTReC 2.0) dan Prof Dr Abd Jalil Borham (e-Finance-1).

Naib Canselor UMP, Prof

Datuk Dr Daing Mohd Nasir Daing Ibrahim, turut melahirkan perasaan bangganya terhadap kejayaan mereka menghasilkan inovasi yang boleh dimanfaatkan dalam pengajaran dan pembelajaran sama ada membabitkan pelajar, akademik, industri mahupun masyarakat setempat.

Karnival NUCEL 2014 merupakan platform untuk mempromosikan aplikasi e-pembelajaran dan amalan terbaik 'blended learning' di semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) di negara ini.

Program itu dianjurkan untuk pertama kalinya oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan kerjasama Majlis e-Pembelajaran IPTA Malaysia (MEIPTA).

## Inovasi e-pembelajaran UMP diiktiraf